

KHUTBAH JUMAAT

“MUHASABAH DIRI, MENYUCIKAN HATI”
(3 Jun 2022M/ 3 Zulkaedah 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا
كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Berpegang teguhlah kepada agama Allah dengan menjaga dan memelihara hubungan kita sebagai hamba-Nya dan juga hubungan sesama insan. Mudah-mudahan kita dikurniakan kejayaan dan keredhaan Allah *subhanahu wata'ala* di dunia dan di akhirat. Semoga kita dapat mengambil pengajaran daripada bicara mimbar pada hari ini yang bertajuk “**Muhasabah Diri, Menyucikan Hati**”.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Bulan Ramadan dan bulan Syawal telah pun meninggalkan kita. Semoga kita terus istiqamah dalam ibadah dan amalan pada

bulan Zulkaedah ini dan bulan-bulan yang mendatang. Pada hari ini, khatib ingin menyentuh tiga perkara utama daripada sifat-sifat tercela yang membawa kebinasaan kepada diri iaitu hasad, riyak dan ujub. Sebagai seorang mukmin, kita dituntut untuk berusaha membersihkan hati dari sifat-sifat ini. Jika tiga perkara ini tidak dibersihkan, maka kita tidak mampu untuk menjauhi sifat-sifat tercela selainnya.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Apakah itu hasad? Ia merupakan cabang sifat bakhil, bahkan lebih dahsyat daripadanya iaitu sifat dalam hati manusia yang tidak mahu dan merasa berat apabila melihat nikmat anugerah Allah dikurniakan kepada sesiapa sahaja, sama ada berbentuk ilmu, harta, kecintaan manusia atau apa-apa sahaja. Mereka bercita-cita dan berharap agar pemberian Allah berbentuk ilmu, harta kekayaan, jawatan, kelebihan-kelebihan tertentu dan sebagainya, hilang daripada insan yang dikurniakan nikmat tersebut, meskipun mereka tidak mendapat apa-apa keuntungan daripadanya.

Lebih parah lagi jika orang yang hasad itu melakukan tindakan untuk menghilangkan nikmat tersebut. Allah *subhanahu wata'ala* memerintah kita agar memohon perlindungan dengan-Nya daripada kejahatan sifat hasad. Firman-Nya dalam Surah Al-Falaq, ayat 5:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ . مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ .

وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ . وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ .
وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ .

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk. Dari bencana makhluk-makhluk yang Dia ciptakan. Dari bahaya gelap apabila ia masuk. Dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan). Serta dari kejahatan orang yang dengki apabila dia melakukan dengkinya.”

Mereka yang mempunyai sifat hasad adalah mereka yang jauh daripada kasih sayang dan terseksa di dunia dari segi jiwa dan perasaan kerana Allah sentiasa memberi nikmat-Nya kepada sesiapa sahaja termasuklah mereka yang berada dalam lingkungan orang yang hasad tersebut. Seorang muslim itu tidak akan dapat mencapai hakikat iman yang sebenar selagi dia belum mencintai bagi sekalian kaum muslimin, apa-apa yang ia cintai bagi dirinya sendiri. Sewajarnya dia bersama dengan perasaan seluruh orang Islam ketika susah dan senang, meskipun dengan titipan doa kebaikan dan sebagainya.

Jika kita dapati dalam diri kita tiada sifat rahmat terhadap manusia lebih-lebih lagi terhadap orang beriman, maka usahakanlah membersihkan walaupun secebis atau setitik sifat hasad dalam diri. Usaha membersihkan diri dari sifat tercela dengan menghadiri majlis ilmu, banyak mengingati Allah,

banyak berselawat, membantu meringankan beban manusia dan seumpamanya adalah lebih utama daripada menyibukkan diri dengan perkara-perkara khilaf dalam agama seperti menjadikannya sebagai isu-isu yang perlu dipertengahan dalam masyarakat dan seumpamanya. Sudah tentu ia akan mengundang perbalahan yang akan membawa perpecahan dan menjejaskan kesatuan umat Islam.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Apakah pula yang dimaksudkan dengan *riyak*? Riyak bermaksud mencari penghargaan di hati manusia seperti perhatian manusia terarah kepadanya atau golongannya, pengaruh, pangkat, kebesaran dan seumpamanya. Ramai yang binasa kerana sifat ini dan yang membinasakan itu juga adalah manusia. Ilmu yang dituntut, amalan yang dilakukan dan sebagainya dilakukan atas dorongan ingin menunjuk-menunjuk seperti ingin digelar orang yang alim atau arif dalam sesuatu perkara dan urusan, ingin digelar orang yang berjasa besar, ingin digelar dengan panggilan-panggilan yang mengangkat dirinya, ingin dikenali sebagai orang yang tahu, baik atau tekun dalam ibadah, ingin pengaruh orang ramai dan sebagainya. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam surah Al-Ma'un ayat 5 hingga 6 berkaitan sifat riyak:

الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ. الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ.

Maksudnya: “(lailu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya. (Juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riak (bangga diri dalam ibadah dan bawaannya).”

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Yang ketiganya adalah Ujub. Ujub bermaksud merasakan diri mulia dan besar, dan memandang rendah serta hina terhadap orang lain. Sifat ini dapat dikenali melalui percakapan yang menyebut aku begini-begini sebagaimana perkataan iblis kepada Allah ketika mana dia tidak sujud kepada Nabi Adam ‘*alaihissalam*. Firman Allah *ta’ala* dalam Surah Al-A’raf ayat 12:

قَالَ مَا مَنَعَكَ إِلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ
قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ.

Maksudnya: “Allah berfirman: “Apakah penghalangnya yang menyekatmu daripada sujud ketika Aku memerintahmu?” Iblis menjawab: “Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku dari api sedang dia Engkau jadikan dari tanah”.”

Ketika dalam majlis, mereka yang bersifat ujub dapat dikenali dengan sifat suka mengangkat diri, menganggap diri lebih pandai atau lebih mengetahui, suka menonjol diri dalam perbincangan tanpa keperluan, tidak senang apabila pendapat atau pandangannya ditolak. Orang yang takbur tidak suka

diberi nasihat dan bahasanya kasar jika menasihati orang lain. Ia adalah kejahilan yang perlu dirawat.

Sifat takbur ini tidak akan hilang kecuali dia sedar, mengetahui, ingat serta akur bahawa orang yang baik hanyalah orang yang baik pada pandangan Allah, orang yang baik di sisi Allah. Tiada yang mengetahui kedudukan diri di sisi Allah kerana ia bergantung kepada akhir kehidupan seseorang. Bagaimanakah akhir kehidupannya? Sudah tentu tidak dapat dijawab kerana ianya tidak dapat diketahui secara yakin. Seseorang yang sentiasa memikirkan akhir kehidupan dirinya, nescaya tidak berani membesarkan diri kerana sedar bahawa Allah berkuasa mutlak untuk mengubah atau membolak-balik akan hati manusia, memberi hidayah dan menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya pada bila-bila masa dan keadaan meskipun ketika roh hampir meninggalkan jasad.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita mengingat kembali khutbah yang disampaikan sebentar tadi, bertujuan untuk dijadikan panduan, mengambil pengajaran dan memperbaiki diri. Antaranya ialah:

Pertama: Sifat hasad, riyak dan ujub adalah punca kepada sifat kepada sifat-sifat tercela yang lain yang wajib dibersihkan.

Kedua: Sifat-sifat tercela ini, jika tidak dirawat atau dibendung, maka akan terzahirlah perbuatan dan tindakan yang akan menyebabkan suasana yang tidak harmoni dalam masyarakat.

Ketiga: Sifat tercela ini hendaklah dibersihkan dengan ilmu iaitu mempelajari ilmu akhlak dan tasawwuf, selalu berdoa agar dijauhkan dari sifat-sifat ini dan sentiasa bergantung harap kepada Allah *subhanahu wata'ala*, banyak berzikir dan mengingati Allah *subhanahu wata'ala*, banyak berselawat kepada Rasulullah *sallallahu 'alaihiwasallam* dan sebagainya.

Keempat: Janganlah sesekali meninggalkan ketaatan, kebaikan atau suatu ibadah lebih-lebih lagi dalam perkara yang wajib seperti solat fardu lima waktu sehari semalam, menutup aurat dan sebagainya dengan beralasan takut riyak atau beranggapan tidak mengapa meninggalkan kewajipan tersebut, yang penting hatinya baik dan sebagainya. Bahkan dia perlu istiqamah atau berterusan memperbaiki diri, bertaubat, menuntut ilmu berkaitan hinggalah ke akhir hayat.

Kelima: Allah *subhanahu wata'ala* berkuasa mengubah hati dan keimanan manusia pada bila-bila masa dan keadaan. Maka teruskanlah berdoa dan sentiasa mengharapkan hidayah, jiwa yang sejahtera daripada-Nya buat diri, keluarga dan sekalian orang Islam.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah An-Najm, ayat 32:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

... فَلَا تُزَكُّوْا أَنْفُسَكُمْ ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ اتَّقَىٰ.

Maksudnya: "... maka janganlah kamu memuji-muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dialah sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang bertakwa."

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Perlu diingatkan bahawa kita masih lagi berhadapan dengan wabak COVID-19. Walaupun pelbagai kelonggaran telah diberikan, mimbar terus menyeru agar kita terus berwaspada dan melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya serta mematuhi garis panduan, saranan, galakan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Norma Baharu pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan serta bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا
صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah ! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan

perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadikanlah diri kami, isteri-isteri kami dan keturunan kami dari kalangan yang mendirikan solat serta menjauhi dosa-dosa kecil apatah lagi dosa-dosa yang besar. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أُنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.
عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.